

KENYATAAN MEDIA**SWM ENVIRONMENT MULA LAKSANA PEMBERSIHAN PASCA BANJIR**

JOHOR BAHRU, 6 MAC – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) melalui Operasi Bantuan Banjir telah mula melaksanakan Inisiatif Pembersihan Pasca Banjir bagi membersihkan enam (6) buah daerah yang terjejas banjir secara berperingkat iaitu Kluang, Segamat, Johor Bahru, Kulai, Mersing dan Kota Tinggi dengan berat kutipan sisa banjir terkumpul sebanyak 160,000 kilogram setakat hari ini.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, usaha tersebut dilaksanakan oleh hampir 100 orang anggota barisan hadapan pengurusan sisa pepejal dengan sokongan sekitar 30 buah kenderaan berjentera seperti lori *Open Tipper*, lori *Roll-On Roll-Off (RORO)* dan jentolak melalui jalinan kerjasama dengan Pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Johor dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Terdahulu, pihak SWM Environment telah memulakan Operasi Bantuan Banjir melalui perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di hampir 220 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) termasuk yang terletak di luar kawasan perkhidmatan syarikat konsesi sejak bencana banjir melanda negeri Johor. Inisiatif tersebut dilaksanakan oleh seramai 60 orang anggota kerja dengan sokongan sekitar 20 buah lori kompaktor yang menyaksikan penempatan dan penambahan sekitar 330 unit tong sampah beroda.

Sementara itu, pihak SWM Environment turut menyarankan agar setiap pemilik premis melaporkan kehilangan tong sampah beroda (TSB) kepada pihak polis sekiranya TSB yang dibekalkan kepada mereka hanyut atau rosak akibat kejadian banjir tersebut. Seterusnya, setiap pemilik premis perlu mengemukakan permohonan penggantian TSB bersama salinan laporan polis berkenaan secara dalam talian di laman sesawang www.swmenvironment.com. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung prosedur penggantian TSB tersebut boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 atau Whats App kepada 012- 6180082.

Pihak SWM Environment akan terus menjalinkan kerjasama erat dengan pihak SWCorp, PBT dan agensi berkaitan di negeri Johor untuk memastikan tahap kebersihan di kawasan terjejas banjir kembali pulih serta memudahkan mangsa-mangsa terjejas banjir melaksanakan pembersihan dan pelupusan sisa pasca banjir di kediaman masing-masing kelak.

TAMAT.

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : livingwater.ponnusamy@swmsb.com